

29 APR 2002

DINAR EMAS-SOKONGAN

SOKONGAN MENINGKAT BAGI PENGGUNAAN DINAR EMAS DLM PERDAGANGAN

ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Sokongan terhadap penggunaan dinar emas -- satu unit emas 22-karat seberat 4.25 gram -- untuk melengkapkan dolar AS dalam perdagangan antarabangsa sudah beransur-beransur mencapai kejayaan.

Selepas satu sesi tertutup dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, beberapa ketua industri menyatakan dinar emas adalah lebih stabil dan boleh digunakan untuk mengelak pergantungan berlebihan kepada dolar AS.

Sesi itu dihadiri oleh pembuat dasar, pegawai pentadbir, ahli akademik, ulamak dan pegawai bank di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Pengerusi Bank Rakyat Dr Norraesah Mohamad menyatakan emas, yang mempunyai nilai tersirat, adalah lebih stabil dan mampu bertahan dengan spekulasi mata wang.

Beliau mencadangkan negara-negara Islam yang terlibat dalam dagangan minyak memulakan inisiatif ini.

Dr Norraesah menyatakan Malaysia mengimport minyak dari Arab Saudi dan mengeksportnya ke Jepun. Justeru, ketiga-tiga negara tersebut boleh menggunakan dinar emas dalam urusanniaga berkaitan.

Di Labuan, sebuah syarikat luar pesisir telahpun menyediakan satu sistem pembayaran dan pertukaran di seluruh dunia yang berasaskan Internet menggunakan dinar emas sebagai mata wang dunia. Naib-presiden E-Dinar Umar Azmon berkata sistem yang diguna pakai oleh syarikatnya menawarkan penyelesaian kepada masalah menghantar emas secara fizikal dari satu tempat ke satu tempat yang lain. -- BERNAMA

SMO SHY ZK